

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 03 Tahun 2021

PEKELILING PELAKSANAAN PROSES PENDAFTARAN DAN VALIDASI PENERBITAN DI DALAM SISTEM PENERBITAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan pihak yang berkepentingan mengenai proses kerja di dalam sistem penerbitan UiTM. Ia adalah sebagai medium pendaftaran dan validasi penerbitan untuk penyediaan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan kenaikan pangkat staf UiTM.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sistem penerbitan UiTM merupakan sistem dalam talian yang digunakan bagi mendaftarkan semua penerbitan yang dihasilkan oleh staf UiTM.
- 2.2 Penerbitan ini perlu disemak dan disahkan oleh pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM bagi tujuan perekodan.
- 2.3 Ia menjadi sumber rasmi rekod penerbitan bagi semua sistem dalaman UiTM seperti MyATP, HR2U dan lain-lain.
- 2.4 Ia juga sumber rujukan utama pelaporan rasmi data penerbitan UiTM bagi keperluan penarafan seperti MyRA, MyMOHES, SETARA dan MASTIC.
- 2.5 Dalam konteks pekeliling ini, terma "penerbitan" hendaklah merujuk kepada semua jenis karya, artikel, buletin, sebarang penulisan dan apa-apa jua penerbitan yang dibuat dalam kapasiti tugas rasmi atau berkaitan dengan kepakaran sebagai seorang staf UiTM.
- 2.6 Justeru itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 4/2021 pada 27 Januari 2021 telah menutuskan serta bersetuju dengan pelaksanaan proses pendaftaran dan validasi penerbitan di dalam sistem penerbitan UiTM.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Semua staf UiTM dikehendaki mendaftarkan penerbitan di dalam sistem penerbitan.
- 3.2 Semua penerbitan perlu didaftarkan sejurus diterbitkan bagi mengelakkan kelewatan proses validasi oleh pihak PTAR.
- 3.3 Proses validasi oleh pihak PTAR adalah dalam tempoh **14** hari bekerja selepas didaftarkan untuk pertama kali di dalam sistem penerbitan ini.
- 3.4 Staf UiTM akan menerima e-mel pemakluman rasmi bagi rekod penerbitan yang telah disemak oleh pihak PTAR untuk tujuan rujukan atau tindakan selanjutnya.
- 3.5 Bagi penerbitan yang diterbitkan dalam tempoh Januari sehingga November pada setiap tahun, ia perlu didaftarkan di dalam sistem penerbitan selewat-lewatnya pada 30 November. **HANYA** penerbitan yang diterbitkan pada bulan Disember dibenarkan untuk didaftar di dalam sistem penerbitan pada bulan Disember untuk diverifikasi.
- 3.6 Staf UiTM adalah dinasihatkan supaya tidak mendaftarkan penerbitan pada saat akhir terutamanya semasa proses pengisian MyATP bagi tujuan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan kenaikan pangkat.
- 3.7 Carta alir proses pelaksanaan pendaftaran dan validasi di dalam sistem penerbitan adalah seperti di Lampiran A.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 29 Januari 2021.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2021.

6.0 PEMAKAIAN

- 6.1 Pekeliling ini disediakan untuk memaklumkan bahawa proses validasi penerbitan di dalam sistem akan dilaksanakan oleh pihak PTAR.
- 6.2 Pekeliling ini untuk menguatkuaskan supaya staf UiTM mendaftar penerbitan di dalam sistem penerbitan **seawal mungkin** sejurus diterbitkan bagi mengelakkan tertangguhnya proses validasi. Pihak PTAR tidak akan bertanggungjawab sekiranya kelewatan proses validasi berlaku akibat kecuaian staf UiTM mendaftarkan penerbitan di dalam sistem.
- 6.3 Sila panjangkan maklumat ini kepada semua pihak berkepentingan di Fakulti/Pusat Akademik/UiTM Cawangan/PTJ masing-masing.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit

Bil. Fall : 100-TNCPI (6/1)
No. Siri : 100-Uitm (NC 6/2) 03

Carta Alir Sistem PRISMa

CARTA ALIR	PROSES/AKTIVITI	PYB
<pre> graph TD M([Mula]) --> D[Daftar / kemas kini penerbitan di PRISMa] D --> P{Pengesahan Metadata} P -- Tidak --> D P -- Ya --> Munggu[Menunggu pengesahan] </pre>	<p>Mula</p> <p>Penyelidik mendaftarkan / Mengemas kini penerbitan mengikut kategori di dalam Sistem PRISMa dan status penerbitan adalah 'DRAF'</p> <ul style="list-style-type: none"> - Buku Penyelidikan - Bab Dalam Buku Penyelidikan - Buku - Bab Dalam Buku - Jurnal - Prosiding - Penerbitan lain - Kertas Polisi <p>Penulis akan 'SUBMIT' maklumat penerbitan yang telah lengkap diisi kepada Koordinator PTAR di dalam sistem PRISMa.</p>	<p>Penyelidik</p>
	<p>Koordinator PTAR akan membuat proses validasi ke atas maklumat penerbitan yang berstatus 'PENDING FOR VALIDATION' di dalam sistem PRISMa.</p> <p>Koordinator PTAR akan menyemak maklumat penerbitan dan pembuktian yang dilampirkan di dalam sistem PRISMa adalah lengkap seperti syarat-syarat di bawah :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tajuk penerbitan - Maklumat ISBN/ISSN/<i>Any Registration No.</i> - Ada semua maklumat penulis yang terlibat. - Muat naik pembuktian penerbitan. - Maklumat Tarikh penerbitan. 	<p>Koordinator PTAR</p>

<pre> graph TD A{Berindeks atau tidak berindeks?} -- Ya --> B[Kemas kini URL SCOPUS/WOS/ ERA/Mycite] A -- Tidak --> C{Sudah Berindeks / Belum Berindeks?} C -- Ya --> B C -- Tidak --> A </pre>	<p>Jika semua syarat dipenuhi maka status penerbitan tersebut untuk kategori di bawah adalah 'PUBLISHED TIDAK BERINDEKS'.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Buku Penyelidikan tidak berindeks - Bab dalam buku tidak berindeks - Jurnal tidak berindeks - Prosiding tidak berindeks - Buku - Bab Dalam Buku - Kertas Polisi - Laporan Teknikal/ Kajian Kes - Penerbitan-penerbitan lain <p>Jika syarat tidak dipenuhi maka Koordinator PTAR akan memberi status 'RETURN FOR CORRECTION'</p>	
<p>Penyelidik membuat kemaskini maklumat URL SCOPUS/WOS/Mycite</p>	<p>Penyelidik</p>	
<p>Koordinator PTAR akan membuat semakan URL atau tajuk penerbitan/jurnal dalam website SCOPUS/WOS/Mycite/ERA yang telah dimasukkan oleh penulis.</p> <p>Jika URL dan penerbitan tersebut benar berindeks maka status adalah 'YES' dan 'output' adalah seperti di bawah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Buku penyelidikan berindeks - Bab dalam buku berindeks - Jurnal berindeks - Prosiding berindeks 	<p>PTAR</p>	

LAMPIRAN A

		<p>Jika penerbitan tersebut tidak berindeks atau maklumat URL yang salah maka status adalah 'KEEP IN WAITING (KIV)'.</p> <p>Jika masih tiada sebarang kemas kini maklumat URL dibuat oleh penyelidik selepas 24 bulan maka sistem akan automatik menukar paparan status di paparan penyelidik daripada 'KIV' kepada 'NO'</p> <p>Penyelidik menerima notifikasi emel rekod status validasi (YES / Keep in Waiting (KIV)) oleh Koordinator PTAR serta dapat melihat maklumat status penerbitan di paparan rekod penerbitan di dalam sistem PRISMa.</p>	Penyelidik
Penerbitan Berindeks	Penerbitan Tidak Berindeks	Tamat	

```

graph TD
    A[Penerbitan Berindeks] --> C((Tamat))
    B[Penerbitan Tidak Berindeks] --> C
  
```